

PM terima laporan lengkap insiden di Somalia
Utusan Online
October 19, 2011

KUALA LUMPUR 18 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menerima laporan terperinci daripada kerajaan Somalia mengenai insiden yang mengorbankan jurukamera Bernama TV, Noramfaizul Mohd. Nor ketika menyertai misi kemanusiaan di negara itu pada 2 September lalu.

Laporan itu diserahkan oleh Timbalan Perdana Menteri Somalia, Mohamed Muhammad H. Ibrahim ketika mengadakan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri di bangunan Parlimen hari ini.

Pada pertemuan itu, Mohamed Muhammad turut menyampaikan permohonan maaf daripada kerajaan Somalia kepada kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia ekoran kejadian itu.

Allahyarham Noramfaizul terkorban akibat terkena tembakan curi ketika berada di Mogadishu bagi membuat liputan misi kemanusiaan yang dianjurkan Kelab Putera 1Malaysia untuk membantu mangsa kebuluran di Somalia ketika itu.

Dalam pada itu, Mohamed Muhammad berkata, kerajaan Somalia memberi jaminan kepada Perdana Menteri dan rakyat Malaysia untuk meningkatkan kawalan keselamatan terhadap semua misi bantuan kemanusiaan ke negara itu pada masa depan.

Pihaknya amat menyesali insiden yang berlaku itu.

"Saya berada di sini untuk menyampaikan ucapan takziah secara rasmi kepada Perdana Menteri dan seluruh rakyat Malaysia ekoran kejadian itu," katanya.

Hadir sama pada pertemuan selama setengah jam itu ialah Timbalan Menteri Laut dan Alam Sekitar Somalia, Ahmed Hassan Aden dan Presiden Kelab Putera 1Malaysia, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim.

Mohamed Muhammad turut merayu agar misi kemanusiaan ke Somalia dapat diteruskan walaupun insiden itu menyebabkan seorang petugas media Malaysia terbunuh.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1019&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_04.htm